

## Aplikasi Peranti Pengawasan Elektronik Dalam Perlaksanaan Hukuman Taghib Semasa

*Application of Electronic Monitoring Devices in Current Taghib Execution*

Abdul Samad Abdoll Aziz\*, Shahidra Abdul Khalil, Abdul Karim Ali

Jabatan Fiqh Dan Usul Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jalan Universiti, 50603 Kuala Lumpur

\*Corresponding author: samad\_aziz@siswa.um.edu.my

### Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

### Abstract

Banishment (*taghib*) is one of the many punishments prescribed under Islamic criminal law. It serves as a type of punishment under hudud imposed on unmarried persons for committing adultery and those who commits robbery. It also serves as a type of punishment under takzir. In its early implementation, the offender will be banished to other districts which aimed to isolate them from crime factors. At present, banishment is deemed no longer effective as the offender can still communicate with their criminal counterparts via telephone and internet as a result of technological advances. This resulted in the punishment not being able to achieve preventative objectives due to supervision issues. The purpose of this article is to review the continuity of its implementation in modern times. Using comparative methods, comparisons were made with provisions of the same elements in the Prevention of Criminal Act 1959 (POCA). The findings show that the advancement in science and technology has made implementation of this punishment become practical. This was achieved through the application of electronic monitoring devices (EMD) to monitor the offenders. As a result, the issues regarding supervision on the offenders which remain setback to the effectiveness of the punishment have been resolved. Hence, the implementation of *taghib* remain relevant and not obsolete. In addition, reports show that banishment managed to curb the spread of crime and prevent recidivism among offenders.

**Keywords:** Banishment ; hudud; Islamic Criminal Law; POCA, Electronic Monitoring Device.

### Abstrak

Hukuman *taghib* adalah salah satu hukuman dalam perundangan Islam yang dikenakan bagi kesalahan hudud seperti berzina bagi pesalah bujang dan merompak dan juga bagi kesalahan takzir. Di zaman awal Islam hukuman ini dilaksanakan dengan cara membuang pesalah ke daerah lain antaranya bertujuan bagi mengasingkannya daripada faktor jenayah. Dalam konteks semasa, hukuman buang daerah dianggap tidak lagi berkesan kerana pesalah yang dibuang daerah masih boleh berhubung dengan rakan-rakan jenayahnya melalui telefon dan berkomunikasi menggunakan internet kesan daripada perkembangan teknologi. Ini menyebabkan hukuman tidak dapat mencapai objektif pencegahan kerana masalah pengawasan ke atas pesalah. Artikel ini bertujuan melihat kelangsungan perlaksanaan hukuman ini di zaman moden. Menggunakan metode komparatif, perbandingan dibuat dengan elemen buang daerah yang diperuntukkan melalui Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Hasil kajian mendapat bahawa perkembangan sains dan teknologi telah membantu pelaksanaan hukuman buang daerah melalui penggunaan peranti pengawasan elektronik yang dipasang pada pesalah. Dengan itu, masalah pengawasan pesalah yang merupakan aspek utama yang menghalang keberkesanan hukuman ini telah dapat diatasi. Justeru, perlaksanaan hukuman *taghib* atau buang daerah ternyata masih lagi relevan dan tidak lapuk ditelan zaman. Malah, berdasarkan laporan ia berjaya mengekang penularan jenayah dan membendung pengulangan jenayah di kalangan pesalah yang menjalani hukuman.

**Keywords:** Buang daerah; hudud; undang-undang jenayah Islam; POCA, peranti pengawasan elektronik.

## 1.0 PENDAHULUAN

*Taghib* merujuk kepada hukuman buang daerah yang merupakan salah satu bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah dalam Islam. Ia diperuntukan sebagai hukuman hudud ataupun takzir. Sebagai hukuman hudud, ia diperuntukkan bagi kesalahan zina bagi penzina yang belum berkahwin. Selain itu ia juga adalah salah satu hukuman bagi kesalahan merompak (*hirabah*) iaitu bagi tindakan menakut-nakutkan mangsa, tetapi tidak sampai kepada tahap mengambil harta dan menghilangkan nyawa. Manakala sebagai hukuman takzir, jenis kesalahan yang boleh diperuntukkan dengan hukuman ini diserahkan kepada pertimbangan hakim dan ketetapan pemerintah.

Pada zaman permulaan Islam, hukuman ini dilaksanakan dalam bentuk konvensional di mana pesalah yang telah disabitkan dengan satu-satu kesalahan akan dibuang ke daerah atau mukim yang lain. Dalam konteks semasa, hukuman *taghib* sebagai hukuman hudud tidak lagi dilaksanakan terutamanya akibat kesan penjajahan dan pengenalan undang-undang Barat yang meggantikan undang-undang Islam yang diamalkan dalam pemerintahan umat Islam. Di samping itu, ia juga dihujani dengan pelbagai label dan tohmahan antaranya dikatakan sebagai hukuman yang telah ketinggalan zaman, tidak objektif dan sukar dilaksanakan di zaman moden.

Namun begitu dalam konteks undang-undang jenayah moden, elemen buang daerah ternyata masih diperuntukkan dan diamalkan. Di Malaysia contohnya, elemen buang daerah diperuntukkan dalam Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) bagi kesalahan-kesalahan tertentu. Jelas bahawa hukuman ini masih relevan untuk dilaksanakan dan mempunyai prospek untuk diluaskan bagi kesalahan lain terutamanya hudud seperti mana yang ditetapkan oleh syariat.

Artikel ini bertujuan melihat kelangsungan pelaksanaan hukuman ini di zaman moden. Perbincangan dimulakan dengan sorotan terhadap bentuk pelaksanaan hukuman ini yang mengalami perubahan dalam sejarah perundangan Islam. Begitu juga dengan pelaksanaannya di Tanah Melayu dan perubahannya atas tuntutan zaman di Malaysia. Seterusnya beberapa isu yang berbangkit dalam pelaksanaan hukuman ini akan disorot. Manakala penggunaan teknologi semasa dalam menyokong pelaksanaannya dalam konteks semasa juga turut dibincangkan.

## 2.0 PELAKSANAAN HUKUMAN TAGHIB DALAM SEJARAH PERUNDANGAN ISLAM DAN ISU BERBANGKIT

Pada zaman permulaan Islam, hukuman ini dilaksanakan dalam bentuk konvensional iaitu pesalah yang telah disabitkan akan dibuang ke daerah atau mukim yang lain. Ini berdasarkan amalan yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. dan Khulafa' al-Rashidin. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a, Rasulullah s.a.w. pernah membuang seorang lelaki yang bernama Hayt kerana berkelakuan khunsa ke *al-Hima* (At-Tirmizi, 1998). Hukuman ke atasnya berlanjutan sehingga ke zaman Khalifah Abu Bakar dan Umar r.a. (Wizarah al-Awqaf, 1990) Khalifah Abu Bakar as-Siddiq pula dilaporkan telah membuang penzina ke Fadak dan Khalifah Umar al-Khattab r.a. pernah mengenakan hukuman buang daerah terhadap penzina ke Basrah atau Syam. Selain itu, Khalifah Uthman r.a. juga pernah membuang penzina ke Mesir manakala Khalifah Ali r.a. pula membuang penzina ke Kufah dan Basrah (al-Mawardi, 1994; Mustafa al-Khin, 1996; Al-Mubarakfuri, t.t).

Berdasarkan cara pelaksanaan tersebut, fuqaha mazhab Syafie dan Hanbali berpandangan bahawa hukuman ini perlu dilaksanakan dengan cara memindahkan pesalah secara fizikal dari tempat berlakunya jenayah ke tempat lain, tidak kira sama ada pesalah tersebut lelaki maupun perempuan (Al-Bahuti, 1982). Di tempat buangan tersebut, pesalah tidak perlu ditahan atau

dipenjarakan secara fizikal (al-Maqdisi, 1992) tetapi dia hanya diletakkan di bawah pengawasan, menjadikannya seolah-olah berada di dalam tahanan (al-Damiri, 2004). Pengawasan ini bertujuan memastikan pesalah tidak kembali ke tempat asalnya sebelum tamat tempoh hukuman dan terus kekal berada di tempat tersebut. Ia juga bertujuan agar pesalah tidak keluar daripada kawasan buangan atau melarikan diri ke tempat lain (Zakariya al-Ansari, t.t).

Cara pelaksanaan yang dinyatakan di atas bukan sahaja sejajar dengan sunnah Rasulullah s.a.w dan Khulafa' al-Rasyidin, tetapi ia juga sejajar dengan maksud yang terdapat di dalam kalimah *taghib* itu sendiri. Dari sudut epistemologi, kalimah *taghib* berasal daripada kata akar *gharraba*, *yugharribu*. Ia mengandungi pengertian pergi (*dhihab*), jauh (*an-nawa wal bu'dh*), hilang dan menjauhi (*tanabbi*) (Ibn Manzur, t.t). Ia juga bermaksud membuang (al-Marbawi, 1354H), menyisihkan dan memenculkan (Othman, 2015). Oleh itu kalimah *taghib* adalah kata terbitan yang bermaksud penjauhan atau pengusiran (Ibn Manzur, t.t). Ia juga boleh dirujuk sebagai pengusiran seseorang keluar dari negerinya (Ahmad, 2008).

Walau bagaimanapun cara pelaksanaan hukuman ini kemudiannya telah berubah disebabkan oleh beberapa kes yang terjadi. Pada zaman Khalifah Umar al-Khattab r.a., beliau telah menghentikan pelaksanaan hukuman buang daerah selepas mendapati Nasr bin Hajjaj yang dibuang ke Basrah telah lari ke Rom (al-Zayla'I, 1313H) dan Rabi'ah bin Umayyah yang dibuang ke Khaibar telah meminta perlindungan daripada Harqal, pemerintah Rom ketika itu dan memeluk agama Nasrani (Ibn Abd al-Bar, 1387H). Bertitik tolak daripada kejadian tersebut, Khalifah Umar telah bersumpah untuk tidak lagi membuang sesiapa selepas itu (Ibn Abidin, 1992) kerana dilihat membawa keburukan berbanding kebaikan terutamanya apabila pesalah gagal dikawal dan diawasi.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Ali r.a. pula, beliau telah menghentikan pelaksanaan hukuman buang daerah ke atas penzina kerana bimbang tindakan itu akan menjadikan pesalah semakin liar (al-Sarakhsy, 1978) yang mana natijah ini bertentangan dengan objektif hukuman hudud yang bertujuan menjauhkan fitnah dan kerosakan (Ibn Nujaym, 1997). Selain itu, beliau juga melihat persekitaran masyarakat pada ketika itu yang menyebabkan pengawasan ke atas pesalah yang menjalani hukuman tersebut sukar dilakukan (Qal'ah Ji, 1983). Justeru, tindakan untuk tidak melaksanakan hukuman buang daerah dalam bentuk konvensional dianggap sebagai tindakan yang lebih tepat untuk mengelakkan fitnah dan kerosakan (al-Sarakhsy, 1978). Keadaan ini berbeza dengan keadaan pada zaman Rasulullah s.a.w. di mana masyarakat Arab pada ketika masih baru menerima Islam dan meninggalkan kehidupan jahiliyyah. Dalam keadaan tersebut, hukuman ini dilihat berkesan untuk menghalang pesalah daripada mengulangi perbuatan tersebut dan dapat mencegah masyarakat daripada melukannya (al-Jassas, 1992).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa elemen pengawasan memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan hukuman buang daerah. Tanpa pengawasan yang berkesan, keadaan yang lebih buruk boleh berlaku. Sebaliknya jika mekanisme pengawasan dapat dilaksanakan dengan berkesan, maka isu-isu yang berbangkit boleh diatasi. Namun begitu, kaedah pengawasan mungkin berbeza-beza dari satu zaman ke zaman yang lain. Contohnya ketika Rasulullah s.a.w. membuang Hayt ke al-Hima, dia telah melaksanakan perintah tersebut tanpa ada pengawal yang mengawasinya sepanjang masa dia berada di situ. Pengawasan ke atasnya didokong oleh nilai ketaatan kepada pemerintah dan keinginan untuk bertaubat yang dilihat masih lagi kukuh pada zaman tersebut.

Hal ini bukanlah sesuatu yang asing pada zaman tersebut. Terdapat banyak kes yang menunjukkan nilai-nilai ini masih terpasak kukuh dalam dada para sahabat. Bahkan dalam kes zina, senario ini dapat dilihat jelas sebagaimana dalam kes Maiz yang telah membuat perakuan di hadapan Rasulullah s.a.w. Hayt sendiri masih lagi akur dengan perintah yang dikenakan ke atasnya

walaupun selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Dia terus tinggal di situ sehingga zaman Khalifah Abu Bakar dan Umar r.a (Wizarah al-Awqaf, 1990). Apabila dia mengadu tentang kesempitan hidupnya, dia kemudiannya telah dibenarkan memasuki Madinah pada setiap hari Jumaat untuk berjual beli (al-Syafi'i, 2001).

Walau bagaimanapun, selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, nilai ketaatan kepada pemerintah telah mula terhakis dan memberi kesan kepada elemen pengawasan dalam pelaksanaan hukuman buang daerah. Kes Nasr bin Hajjaj dan Rabi'ah bin Umayyah yang lari ke Rom ketika diperintahkan menjalani hukuman buang daerah (al-Zayla'i, 1313H) telah menunjukkan bahawa elemen pengawasan ke atas mereka berasaskan nilai akhlak dan keimanan sudah semakin pudar sehingga memaksa khalifah menghentikan pelaksanaan hukuman ini secara konvensional. Kesukaran untuk mengawasi pesalah pada ketika itu juga akhirnya menyebabkan Khalifah Umar dan Ali r.a memutuskan untuk menghentikan pelaksanaan hukuman dalam bentuk konvensional dan memilih hukuman berbentuk tahanan.

### **3.0 PELAKSANAAN HUKUMAN BUANG DAERAH DI TANAH MELAYU –MALAYSIA**

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bukan sahaja membawa ajaran-ajaran berkaitan soal ibadat, bahkan juga merangkumi hukum-hakam dalam aspek jenayah dan hukumannya. Catatan paling awal yang menunjukkan pelaksanaan hukuman buang daerah di negara ini dalam bentuk undang-undang dapat dikesan di dalam Hukum Kanun Melaka (HKM) yang dibuat semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah yang memerintah di antara tahun 1446 – 1456. Dalam kanun yang disusun oleh Sri Nara Diraja atas perintah sultan ini, terdapat catatan mengenai hukuman buang daerah iaitu pada Fasal ke-40 yang merekodkan:

“Fasal yang keempat puluh pada menyatakan hukum zinah itu atas dua perkara: suatu muhsan namanya, laki-laki atau perempuan yang sedang bersuami dengan nikah yang sah. Dan tiada muhsan laki-laki yang tiada beristeri dan perempuan yang belum bersuami. Bermula yang muhsan itu dihukum direjam dan dilontar dengan batu hingga mati. Maka ghair muhsan hadnya didera seratus kali palu, dibuangkan keluar negeri itu setahun lamanya.” (Liaw Yock Fang, 1976, h.158-160. ; Abu Hassan, 1995, h.107)

Selain HKM, Kanun Johor 1789 yang dibentuk sejak tahun 1523 juga memperuntukkan hukuman buang daerah bagi kesalahan zina. Di dalam kanun tersebut dinyatakan:

“Bermula peri hal zina dua perkara (satu) muhsan namanya laki-laki atau perempuan sudah suami dengan nikah yang sah dan tiada muhsan lagi belum beristeri perempuan yang belum bersuami dan yang muhsan hukumnya direjamkan dilontar dengan batu dibunuh dilontar dengan batu dan yang tiada muhsan hadnya seratus palu dan dibuangkan dari negeri itu setahun lamanya...”. (Nurul Ilyana, 2005, h.57).

Manakala Hukum Kanun Pahang (HKP) yang ditulis pada tahun 1596 semasa Sultan Abdul Ghafur Muhyuddin (1592-1616) memerintah Pahang juga memperuntukkan hukuman buang daerah bagi kesalahan zina. Dalam fasal ke-49 dinyatakan:

“... bermula yang muhsin itu hukumnya direjam dilontar dengan batu dan ditanamkan hingga pinggang dan pada suatu riwayat hingga leher...bermula yang tiada muhsin itu, hukumnya dipalu seratus, maka dibuangkan daripada

negeri itu satahun lamanya”.(Zanariah Dimon, 2004, h.12 ; John E. Kempee & R.O Winstedt, 1948, h.16)

Pada era kesultanan Melayu, elemen pengawasan ini banyak dibantu oleh kepercayaan masyarakat terhadap kedudukan raja. Raja merupakan ketua yang dipercayai mempunyai kuasa mutlak ke atas semua rakyat di bawahnya. Para raja dianggap suci di bawah pengaruh Hindu, bahkan dianggap memiliki sifat dewa dan diperkuuhkan dengan pelbagai mitos dan keajaiban berkaitan dengan keturunan dan kedaulatan mereka (Jelani, 2001). Kepercayaan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain telah melahirkan kegerunan rakyat kepada kuasa raja sehingga melahirkan beberapa istilah yang sangat sinonim dengan kebesaran raja seperti ‘daulat’ dan ‘tulah’ raja. Perintah Raja tidak boleh dipermainkan oleh rakyatnya kerana ‘daulat’ yang dikatakan dimiliki oleh Raja yang kemudiannya dikaitkan dengan konsep derhaka. Rakyat tidak boleh menyangkal titah raja kerana perbuatan tersebut dikira menderhaka. Perbuatan menderhaka akan menyebabkan si pederhaka ditimpah musibah, antaranya ditimpah ‘tulah’ raja (mungkin dalam bentuk sumpahan) (Bharuddin, 2012). Ini telah membantu dalam penguatkuasaan sesuatu perintah yang dikeluarkan oleh seorang raja dan menanamkan sifat kehambaan rakyat jelata.

Kedatangan Islam pula telah mengukuhkan lagi kepercayaan dan tanggapan yang wujud sebelum ini melalui konsep ketaatan kepada pemerintah sebagai sebahagian daripada ajarannya. Ini telah melahirkan ungkapan-ungkapan seperti raja sebagai “bayangan tuhan di dunia” atau dalam Bahasa Arabnya “*Zillullahu Fil Alam*” sebagaimana yang direkodkan oleh beberapa orang pengarang sejarah Melayu (A. Samad, 2008). Konsep yang didasari oleh ajaran agama ini telah menjadikan ketaatan kepada pemerintah sebagai sebahagian daripada kehidupan rakyat yang beragama Islam.

Selepas Inggeris menguasai Tanah Melayu, hukuman buang daerah bagi kesalahan syariah dalam bentuk pembuangan biasa seperti yang wujud pada era sebelum itu telah dimansuhkan. Ia pada umumnya telah digantikan dengan hukuman penjara yang ditetapkan bagi tempoh yang tertentu. Walau bagaimanapun, hukuman berbentuk pembuangan seseorang pesalah ke tempat lain sebenarnya masih lagi dilaksanakan dalam kesalahan-kesalahan lain. Misalnya di Singapura, Sir Stamford Raffles telah menggubal satu undang-undang yang melarang aktiviti perjudian dan laga ayam seperti yang tertera dalam *Regulation, No. IV of 1823* yang memperuntukkan hukuman buang negeri di samping hukuman sebat (*The Asiatic Journal*, 1823).

Semasa era penentangan orang-orang Melayu terhadap kuasa asing seperti Inggeris dan Siam, hukuman seperti ini juga telah dijalankan. Contohnya Tunku Muhammad Saad yang mengetuai penentangan terhadap pendudukan Siam di Kedah telah dibuang ke Culcutta, India atas dakwaan melakukan aktiviti pelanunan sekitar tahun 1842 (Abdullah, 1995). Di Perak, Sultan Ismail dan Panglima Perang Semaun dibuang ke Sekudai, Johor selepas pembunuhan J.W.W Birch pada tahun 1875. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim bin Jaafar, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Shahbandar Uda Mahamor pula dibuang ke Pulau Seychelles. Haji Abdul Rahman Limpong yang menentang penjajahan Inggeris di Terengganu juga telah dibuang ke Mekah sekitar tahun 1928 (Abdullah, 2007).

Pada tahun 1888, pihak British telah meminda Ordinan Mencegah Jenayah 1880 dan menamakannya sebagai Ordinan Buang Negeri (*Banishment Ordinance*) yang memperuntukkan hukuman buang negeri ke atas mana-mana penjenayah atau kutu rayau (*vagrant*) yang melakukan jenayah di Negeri-Negeri Selat jika terdapat alasan yang kukuh untuk berbuat demikian (Nordin, 2011).

Apabila Tanah Melayu menghadapi ancaman komunis, satu akta yang dinamakan sebagai Akta Kediaman Terhad 1933 (AKT) telah diluluskan di bawah pentadbiran British. Akta ini merupakan antara undang-undang terawal yang memasukkan elemen buang daerah dan terpakai sehingga negara merdeka. Akta ini membolehkan seseorang diperintahkan tinggal di satu-satu kawasan yang telah dihadkan melalui arahan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri tanpa melalui proses mahkamah. Ia diwujudkan untuk menyekat penjenayah atau individu tertentu daripada masuk atau keluar daripada kawasan yang telah dihadkan (Restricted Residence Act 1933). Sekatan ini dikenali sebagai buang daerah. Selain itu elemen buang daerah juga diperuntukkan di dalam Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969.

Pada 15 September 2011, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan pemansuhan Ordinan Darurat 1969 dan ISA. Selain itu kajian terhadap AKT juga dijalankan (“Pemansuhan Akta Kediaman Terhad”, 2011). Beliau seterusnya telah membentangkan cadangan pemansuhan AKT di Parlimen pada 5 Oktober 2011 (“Kenyataan Media : Kenyataan KPN”, 2016) dan seterusnya pemansuhan akta tersebut diwartakan pada 30 Disember 2011 (AKT (Pemansuhan), 2011). Pemansuhan akta-akta tersebut dilakukan kerana didorong oleh faktor-faktor perubahan sosiopolitik dan sosioekonomi yang berkembang pesat dan menyebabkan pelaksanaannya dilihat lapuk ditelan zaman. Menurut Dato' Seri Mohd Najib, pemansuhannya juga mengambil kira kemajuan ICT dan urbanisasi. Ini kerana walaupun seseorang penjenayah dibuang daerah pada ketika ini, dia masih boleh berhubung dengan rakan-rakan jenayahnya melalui telefon dan berkomunikasi menggunakan internet (“Pemansuhan Akta Kediaman Terhad”, 2011).

Namun, apabila wujud desakan oleh pelbagai pihak supaya kerajaan mengkaji semula akta-akta yang telah dimansuhkan, kerajaan pada ketika itu telah mengambil keputusan untuk meminda POCA. Beberapa penambahbaikan telah dibuat terhadap akta tersebut tetapi masih mengekalkan elemen buang daerah di dalamnya. Ini kerana kadar jenayah selepas pemansuhan akta-akta tersebut telah dilaporkan meningkat. Terdapat laporan yang menunjukkan bahawa penjenayah yang telah dibebaskan akibat pemansuhan akta terbabit telah ditangkap semula kerana didapati kembali mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan sebelum ini (“Polis: Kes bunuh dengan senjata api naik lepas mansuh EO”, 2013).

### **3.1 Peranti Pengawasan Elektronik Sebagai Mekanisme Pengawasan dalam POCA**

Menyedari masalah pengawasan yang longgar terhadap pesalah yang dibuang daerah dalam peruntukan undang-undang semasa, kerajaan telah menambah baik kaedah pelaksanaannya dengan meningkatkan aspek pengawasan ke atas orang yang dibuang daerah atau dikenali sebagai ‘orang pengawasan polis’ (OPP). Inovasi dalam bidang teknologi telah diadaptasi dan diterapkan melalui penggunaan peranti pengawasan elektronik (*electronic monitoring device*) atau ringkasnya EMD) (Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014).

Satu set peranti EMD terdiri daripada 5 perkakasan iaitu tag pintar (*smart tag*), bikon (*beacon*), pengikat (*strap*), *on body charger* (OBC) dan pengecas. Tag pintar tersebut seberat kira-kira 68 gm dipasangkan di kaki kanan atau kiri OPP di atas buku lali dan ianya bersifat kalis air (“Bukit Aman: No Escape”, 2016). Setiap tag pintar dilengkapi bateri yang mampu bertahan hingga tujuh hari dan boleh dicas semula menggunakan OBC yang berfungsi seperti bank kuasa (*power bank*).

Apabila tag pintar dicantum melalui pengikatnya, EMD akan memberi isyarat pengesanan melalui 3 cara : Radio Frequency (RF), Sistem Pengesan Global (GPS) dan Sistem Talian

Komunikasi Mudah Alih (GSM). Tiga sistem ini disambungkan kepada aplikasi *Buddy System*. Sistem ini antara lain merekodkan maklumat kawasan pengawasan, rekod-rekod lepas (*history*) dan tarikh OPP dibenarkan keluar kawasan. Sistem ini tidak memerlukan spesifikasi komputer yang tinggi kerana ia beroperasi seperti laman web yang hanya memerlukan ID untuk membukanya dan beroperasi secara langsung (*live*).

GPS dan dan GSM berfungsi mengesan kedudukan dan pergerakan OPP. Ia dikawal oleh pusat kawalan berpusat (*Central Monitoring Service Center*). Melalui fungsi ini, semua tindakan dan aktiviti OPP akan direkodkan. Ini termasuklah tindakan mengganggu atau cubaan untuk merosakkan peranti tersebut (Buletin KDN (Bil 2, 2015).

Bateri yang dicas pula boleh bertahan sehingga tujuh hari menggunakan signal yang paling rendah. Tetapi oleh kerana EMD dipakaikan pada penjenayah yang tegar, konfigurasi paling tinggi terpaksa digunakan. Dengan itu bateri yang digunakan boleh bertahan antara lapan hingga sepuluh jam. OPP wajib mengecas EMD pada setiap hari dan menjadi kesalahan sekiranya tidak dilakukan di bawah syarat-syarat Jadual Keempat POCA.

Tali pengikat peranti ini mengandungi kabel optik gentian (*fiber optic*), wayar dan sinar inframerah (*infrared*) di bahagian depan dan belakang. Apabila tali pengikat disambungkan kepada tag pintar, sistem EMD akan diaktifkan. Sebarang cubaan untuk mengganggu akan dimaklumkan kepada pihak polis melalui SMS. Jika gangguan berlaku dengan kerap, pegawai polis akan dihantar untuk membuat pemeriksaan. Pergerakan biasa tidak akan mendatangkan masalah kepada OPP. Hanya cubaan membuka EMD sama ada diungkah, ditarik dengan kuat atau cubaan merosakkannya akan mendatangkan masalah kepada OPP. Jika OPP cuba mengguntungnya maka signal akan dihantar sebaik gunting dimasukkan ke dalam tali pengikat tersebut.

Bikon yang dibekalkan kepada OPP perlu dipasang sendiri di tempat kediamannya pada palam yang akan dikenal pasti terlebih dahulu oleh pihak polis. Bikon tersebut akan menentukan radius kawasan untuknya berfungsi dan memancarkan isyarat yang membolehkan tag pintar mengetahui jarak liputannya mengikut mukim di mana OPP ditempatkan. Bikon perlu dipasang sepanjang masa 24 jam sehari dan berfungsi khususnya pada waktu malam. Ia menggunakan frekuensi radio (RF) dimana radius rangkumannya disetkan dengan alamat tempat tinggal OPP. Bikon akan berfungsi dari jam 8 malam sehingga 6 pagi dimana OPP hanya boleh berada di dalam premis kediamannya sahaja. Sementara pada waktu siang sistem GPS akan digunakan berdasarkan mukim kawasan pengawasan. GSM pula mempunyai fungsi pengesanan di seluruh dunia. SMS akan dihantar kepada anggota polis yang bertanggungjawab jika terdapat apa-apa cubaan untuk menutup suisnya atau memindahkannya ke tempat lain.

Dengan cara ini pihak polis tidak perlu memantau pergerakan OPP di skrin komputer pada setiap masa. Tatacara pengendaliannya akan dijelaskan kepada OPP dan sebarang cubaan untuk melanggar peraturan adalah satu kesalahan (“Tiada siapa boleh lepaskan diri”, 2016). Apabila OPP keluar daripada had kawasan, signal akan dihantar ke pusat kawalan berpusat yang akan menghubungi balai polis terbabit dan memaklumkan tentang pelanggaran syarat tersebut. Pihak balai akan bertindak memastikan OPP mematuhi syarat yang dikenakan. Sekiranya mereka mendakwa alat tersebut rosak, OPP akan diminta mengecas sendiri EMD di hadapan pegawai polis yang bertugas.

## **4.0 APLIKASI PERANTI PENGAWASAN ELEKTRONIK DALAM PELAKSANAAN HUKUMAN TAGHRIB SEMASA**

Pelaksanaan hukuman *taghib* atau buang daerah banyak menghadapi cabaran kerana pelaksanaannya dikatakan tidak lagi praktikal untuk diamalkan dalam bentuk konvensional. Oleh itu terdapat saranan agar ia digantikan dengan hukuman penjara. Saranan ini mempunyai asasnya memandangkan terdapat pandangan sebahagian fuqaha yang meluaskan tafsiran hukuman buang daerah kepada penjara. Saranan ini juga diketengahkan memandangkan terdapat beberapa isu yang berbangkit dalam pelaksanaannya. Antaranya isu keselamatan mahram pesalah wanita yang dibuang daerah, kesesuaian dan lokaliti kawasan buangan serta kemampuannya mencapai objektif pemulihan dan pencegahan.

Namun, isu utama yang berbangkit dalam pelaksanaan hukuman buang daerah adalah isu pengawasan. Aspek pengawasan telah menjadi salah satu faktor utama yang menentukan penerusan pelaksanaan hukuman buang daerah dalam konteks semasa. Kelemahan aspek ini telah menyebabkan pelaksanaan hukuman buang daerah tergugat dan dikritik sebagai lapuk dan tidak lagi berkesan. Pada zaman awal Islam, elemen pengawasan didukung oleh kekuatan nilai keimanan yang menjadikan seseorang taat dan patuh kepada ketetapan yang dikenakan. Dalam tradisi dan pemikiran konservatif masyarakat Melayu pula, kepercayaan bahawa seseorang yang melanggar perintah Raja atau Sultan akan ditimpa dengan musibah telah berfungsi sebagai salah satu elemen pengawasan. Namun kesan perkembangan teknologi dalam sektor pengangkutan dan komunikasi serta perubahan sosiobudaya, nilai-nilai sosial dan agama telah menjadi cabaran besar kepada pelaksanaannya pada masa kini. Ia sekaligus menggugat pencapaian objektif hukuman ini dan menimbulkan persoalan sama ada ia wajar diteruskan atau digantikan dengan hukuman lain yang kurang berisiko seperti penjara.

Namun dengan perkembangan sains dan teknologi, isu pengawasan dalam pelaksanaan hukuman *taghib* boleh diatasi dengan mengambil contoh pelaksanaannya di Malaysia yang telah mengaplikasina peranti pengawasan elektronik atau EMD. Ini kerana tujuan pemakaian EMD adalah untuk meningkatkan elemen kawalan dan pengawasan terhadap OPP dan membantu mengawal pergerakan mereka yang secara tidak langsung boleh mengurangkan pengaruh mereka kepada masyarakat. Ini dapat mengurangkan peluang mereka mengulangi jenayah dan sekaligus mengurangkan pengembangan aktiviti jenayah (“Tiada siapa boleh lepaskan diri”, 2016) dan kadar jenayah (Buletin KDN (Bil 2, 2015). Selain itu EMD mampu memberi kesan psikologi kepada OPP bagi menakutkan mereka supaya mematuhi perintah pengawasan yang dikenakan dengan erti kata kalau mereka keluar daripada kawasan yang ditetapkan maka alat tersebut akan memberi isyarat kepada pihak polis.

EMD juga mampu membantu pihak polis menentukan sama ada seseorang OPP terlibat dengan salah laku jenayah yang berlaku dalam kawasan mereka ditempatkan. Misalnya jika rekod di dalam sistem menunjukkan bahawa OPP tersebut berada di tempat kejadian atau berhampiran dengan tempat jenayah berlaku atau terlibat langsung, OPP tersebut boleh disiasat dan didakwa jika terbukti atas kesalahan melanggar syarat dan sekatan. Di bawah Akta Keterangan, ia boleh dijadikan sebagai bukti bercetak. Selain itu, dalam sistem EMD boleh disetkan zon larangan tertentu yang tidak boleh dimasuki oleh OPP seperti kawasan-kawasan hiburan awam.

Aplikasi EMD sebagai alat pengawasan di dalam POCA telah menjadikan elemen buang daerah mampu diimplementasikan semula. Ia juga telah menjadi satu elemen pencegahan jenayah yang berkesan walaupun satu ketika dahulu dikatakan lapuk dan tidak sesuai untuk dilaksanakan dalam suasana masyarakat pada hari ini. OPP yang ditempatkan ditengah-tengah masyarakat bukan

sahaja dapat dikawal dengan berkesan, bahkan kadar *recidivism* juga telah berjaya dikurangkan ke paras minimum. Ini kerana sebelum EMD diperkenalkan, pemantauan terhadap OPP dilakukan melalui pemerhatian mata kasar sahaja selain kewajipan OPP melaporkan diri ke balai polis. Namun selepas pindaan terhadap POCA dilakukan, penggunaan EMD telah dimasukkan di dalam akta dan menjadi satu undang-undang rasmi.

Penggunaan EMD telah meningkatkan keberkesanan dan pencapaian objektif buang daerah bagi mengekang penularan jenayah terutamanya jenayah terancang dan bersindiket. Dalam pengalaman negara-negara yang telah lama melaksanakannya seperti Singapura (Ministry of Social And Family Development, *Probation Service Annual Report 2015* (Singapore : 2015)), Britain (Jenny, 2005) dan Amerika Syarikat (National Institute Of Justice, 2011), penggunaan EMD sangat berkesan dalam mengurangkan jenayah berulang (*recidivism*). Selain itu penggunaan EMD juga telah menjadikan kerja-kerja pengawasan pihak polis dan pengawalan ke atas OPP menjadi lebih efektif (“EMD: Cegah jenayah daripada berulang”, 2015). Sebarang pelanggaran terhadap syarat-syarat dan sekatan yang dikenakan dapat dikesan dengan cepat dan akan menatihkan mereka dikenakan hukuman yang lebih berat, seolah-olahnya EMD telah menggantikan ‘daulat’ atau ‘tulah’ yang pernah wujud dalam kepercayaan tradisi masyarakat Melayu.

Pelaksanaan hukuman ini di Malaysia yang mengadaptasi kemajuan teknologi semasa daripada pengalaman negara luar telah menambah baik bentuk pelaksanaannya sesuai dengan konteks setempat. EMD telah menjadi titik penting kepada pelaksanaan elemen buang daerah dalam undang-undang pencegahan jenayah masa kini. Ia telah menjadikan elemen buang daerah kembali relevan dan berkesan dalam mengekang penularan jenayah. Inisiatif yang sama juga boleh diterapkan di dalam hukuman *taghib* bagi kesalahan-kesalahan syariah. Kebijaksanaan dalam menyesuaikan bentuk pelaksanaan hukuman dalam konteks semasa dan setempat ini memungkinkan pelaksanaan hukuman buang daerah dalam sistem perundangan Islam dapat dipastikan kekal relevan sepanjang zaman. Bahkan, ia juga secara tidak langsung memungkinkan pelaksanaan hukuman buang daerah dalam bentuk konvensional direalisasikan semula.

## **5.0 KESIMPULAN**

*Taghib* merupakan salah satu hukuman yang diperuntukkan di dalam sistem perundangan Islam sama ada sebagai hukuman hudud atau takzir. Bagi mengekalkan pelaksanaannya dalam bentuk konvensional merupakan satu cabaran yang besar kerana kesan perubahan semasa yang menuntut beberapa aspek dalam pelaksanaannya dikaji dan diteliti. Menyempitkan dan membataskan pelaksanaannya kepada satu bentuk atau cara yang tertentu bukan sahaja akan menjadikan hukuman ini tidak mampu mencapai objektifnya bahkan tidak mampu menzahirkan kesesuaian syariat Islam di sepanjang masa dan keadaan.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa ruang ijтиhad perlu dimanfaatkan dalam menentukan kaedah pelaksanaan yang terbaik bagi hukuman ini. Isu pengawasan yang menjadi salah satu faktor *taghib* diragui keberkesanannya dalam memainkan fungsi hukuman dapat diatasi dengan memanfaatkan inovasi yang diperkenalkan dalam undang-undang pencegahan jenayah seperti POCA. Aplikasi peranti pengawasan elektronik atau EMD yang diperuntukkan di dalam POCA boleh menyediakan ruang dan potensi kepada kemungkinan *taghib* dilaksanakan pada masa kini, khususnya bagi kesalahan-kesalahan syariah. Ianya juga boleh diadaptasikan dan diperluaskan kepada kesalahan-kesalahan yang lain. Idea dan inovasi yang dicedok daripada undang-undang tersebut sebenarnya bukan menunjukkan kelemahan dan kecacatan kepada perundangan Islam. Ianya bahkan membuktikan bahawa *taghib* dalam bentuk konvensional akan kekal relevan dan berpotensi untuk dilaksanakan sepanjang zaman.

## Rujukan

- A. Samad Ahmad (2008). *Sulalatus Salatin : Sejarah Melayu*. KL: DBP 190.
- Abdullah Ghazali (1995). Pribumi Dan Penjajah : Gerakan Tentangan Di Malaysia. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. KL: Persatuan Sejarah Malayaia, 23
- Abdullah Ghazali (2007). *Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Iktibar Hari Ini Dan Akan Datang*. Dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. KL: Persatuan Sejarah Malayaia, 35.
- Abu 'Isa at-Tirmizi (1998). *al-Jami' al-Kabir*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Abu Bakr Ahmad Bin Ali al-Razi Al-Jassas (t.t). *Abkam al-Quran*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Abu Hassan Syam (1995). *Hukum Kanun Melaka*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Ahmad Mukhtar Abd Hamid Umar (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Kaherah: 'Alam al-Kitab.
- Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014. Diakses dari [http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20140401\\_1459\\_BM\\_AKTA%20A1459-POCA\(BM\).pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20140401_1459_BM_AKTA%20A1459-POCA(BM).pdf)
- Al-Damiri, Muhammad Ibn Musa Ibn Isa (2004). *al-Najm al-Wabbaj fi Syarb al-Minhaj*. t.tp: Dar al-Minhaj.
- Ali bin Muhammad al-Mawardi (1994). *al-Hawi al-Kabir fi Fiqh al-Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudamah (1992). *Al-Mughni*. Kaherah, Mesir: Hajar.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Bin Abdul Rauf (1354H). *Qamus Idris al-Marbawi*. Mesir: Dar al-Fikr.
- Al-Mubarakfuri (t.t). *Tuhfat al-Abwazi Bi Syarb Jami' at-Tirmizi*. Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zayla'I (1313H). *Tabyin al-Haqa'iq Syarb Kanz al-Daqiqi* Mesir: al-Matba'ah al-Kubra al-Emiriyyah.
- Bharuddin Bin Che Pa (2012). Institusi Raja Dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam Di Alam Melayu Nusantara. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Buang daerah hukuman lapuk - Kerajaan diminta kaji semula pelaksanaan ekoran kemajuan ICT. (2016, 22 Nov). *Utusan Online*. Diakses dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0509&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0509&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm) Diakses pada 30 September 2019.
- Bukit Aman: No escape if wearing Electronic Monitoring Device. (2016, 24 Feb). Diakses dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/02/24/bukit-aman-no-escape-if-wearing-electronic-monitoring-device/> Diakses pada 30 September 2019.
- Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugha & Ali Asy-Syarbaji (1996). *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Damsyik : Dar al-Qalam.
- EMD: Cegah jenayah daripada berulang. (2015, 30 Mac). *Utusan Online*. Diakses dari <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/emd-cegah-jenayah-daripada-berulang-1.75189>. Diakses pada 30 September 2019.
- Ibn Abd al-Bar (1387H). *Al-Tambid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Maghribi: Wizarah 'Umum al-Awqaf wa al-Syu'yun al-Islamiyyah
- Ibn Abidin (1992). *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Ibn Manzur (t.t). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Nujaym (1997). *Bahr al-Ra'iq Syarb Kanz al-Daq'a'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jelani Harun (2001), "Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu Yang Terakhir". *Sari 19*. Selangor : UKM Press.
- Jenny Ardley (2005). The Theory, Development And Application Of Electronic Monitoring In Britain. *Internet Journal Of Criminology*. Diakses dari <https://www.internetjournalofcriminology.com/undergraduate-masters-dissertations>. Diakses pada 30 September 2019.
- John E. Kempee dan R.O Winstedt (1948), A Malay Legal Digest Compiled For 'Abd al-Ghafur Muhyu'd-din Shah Sultan Of Pahang 1592-1614 A.D With Undated Edition. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 21(1), 144 (April 1948).
- KDN (2015). *Buletin KDN*. Kuala Lumpur: KDN (Bil 2).
- Kenyataan Media Kenyataan KPN Berkaitan Pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933 (2014, 6 Ogos) *Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia*. Diakses dari <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/08/06/kenyataan-media-kenyataan-kpn-berkaitan-pemansuhan-akta-kediaman-terhad-1933> Diakses pada 30 September 2019.
- Liaw Yock Fang (1976). *Undang-Undang Melaka*. The Hague: Koninklijk Instituut.
- Mansur bin Yunus al-Bahutia (1982). *Kasyyaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ministry of Social And Family Development (2015). *Probation Service Annual Report 2015*. Singapore: Probation Service, Ministry of Social And Family Development
- Muhammad bin Idris al-Syaff'i (2001). *al-Umm*. al-Mansurah, Mesir: Dar al-Wafa'.
- National Institute Of Justice (2011). *Electronic Monitoring Reduces Recidivism*. US: U.S Office Of Justice Programs. Diakses dari <https://www.ncjrs.gov/pdffiles1/nij/234460.pdf>
- Nordin Hussin, Shakimah Che Hasbullah (2011). Pentadbiran Kolonial Inggeris Di Negeri-Negeri Selatan Dan Usaha Membentras Jenayah. *Malaysian Journal Of Society And Space*. 7(5), 141-154. Selangor: UKM Press.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan (2005). *Analisis Teks Kanun Johor 1789 Berdasarkan Perspektif Hukum Islam*. Tesis MA, UM.
- Othman Bin Hj Khalid et.al (2015). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. KL: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Pemansuhan Akta Kediaman Terhad (2011, 5 Okt) *najibrazak.com*. Diakses dari <https://www.najibrazak.com/bm/speeches/pemansuhan-akta-kediaman-terhad/>. Diakses pada 30 September 2019.
- Polis: Kes bunuh dengan senjata api naik lepas mansuh EO. (2013, 28 Ogos). *Malaysiakini*. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/news/239549>. Diakses pada 30 September 2019.
- Qal'ah Ji, Muhammad Rawas (1983). *Mawsu'at Fiqh Ali Bin Abi Talib*. Beirut; Dar al-Fikr).
- Restricted Residence Act 1933 (Revised 1989) (Malaysia). Diakses dari [http://www.commonlii.org/my/legis/consol\\_act/rra19331989280/](http://www.commonlii.org/my/legis/consol_act/rra19331989280/) Diakses pada 30 September 2019.
- Salah EO Atau Kebetulan (2013, 2 Ogos). *Kumpulan Media Karangkraf*. Diakses dari <https://www.karangkraf.com/berita/salah-eo-atau-kebetulan-1.189203> Diakses pada 30 September 2019.
- Syams al-Din al-Sarakhsy (1978). *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

The Asiatic Journal And Monthly Register For British India And Its Dependencies (1823). London: Cox And Baylis (Vol XVI (July To December). Diakses dari [https://babel.hathitrust.org/cgi/pt?id=uc1.\\$b398242;view=1up;seq=13](https://babel.hathitrust.org/cgi/pt?id=uc1.$b398242;view=1up;seq=13)

Tiada siapa boleh lepaskan diri daripada EMD (2016, 25 Feb). *Borneo Post Online*. Diakses dari <https://www.theborneopost.com/2016/02/25/tiada-siapa-boleh-lepaskan-diri-daripada-emd/> Diakses pada 30 September 2019.

Undang-Undang Baru Dirangka (2016, 25 Nov). Diakses dari <http://www.barisannasional.org.my/news/undang-undang-baru-dirangka>. Diakses pada 30 September 2019.

Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah (1990). *al-Mawṣu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.

Zanariah Binti Dimon (2004). *Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia*. Tesis MA, UM.